





MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2021**

Bahasa Melayu (910)





KANDUNGAN

Bahasa Melayu (910/1)	1 – 8
Bahasa Melayu (910/2)	9 – 15
Bahasa Melayu (910/3)	17 – 26

BAHASA MELAYU (910/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 28 457 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 87.60% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	16.00	8.40	17.71	7.75	15.19	12.90	9.65	3.65	4.76	1.61	2.39

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	C
2	A	12	A
3	B	13	C
4	D	14	B
5	A	15	B
6	C	16	D
7	D	17	D
8	C	18	D
9	B	19	C
10	B	20	A

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat 15 orang calon yang mendapat markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 40 orang calon pula mendapat markah yang terendah, iaitu 0 markah. Berdasarkan respons calon, kebanyakan soalan beraras sederhana kerana 50 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul.

BAHAGIAN B: Pembacaan Kritis dan Analitis

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan. Calon dikehendaki untuk menulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 30 markah. Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah baik. Bagi soalan 21 hingga soalan 23, kebanyakan calon dapat mengemukakan dua daripada tiga isi dan tiga daripada empat isi dengan betul. Ada calon yang dapat mengemukakan semua isi dengan tepat. Hal ini menunjukkan bahawa calon memahami isi petikan dan memahami kehendak soalan. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak berupaya untuk mengemukakan jawapan dengan menggunakan ayat sendiri. Hampir semua calon menyalin ayat dalam petikan yang difikirkan ada kaitan dengan kehendak soalan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menyatakan reaksi Hana setelah menerima bantahan daripada ibunya. Calon sepatutnya mengemukakan empat isi, berdasarkan empat markah yang diperuntukkan untuk soalan ini. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Setelah menerima bantahan daripada ibunya, Hana menahan tangisan dan merayu kepada ibunya. Selain itu, Hana meminta bantuan ayahnya agar melembutkan hati ibunya dan dia menunggu restu ibunya.

Sebahagian besar calon menyalin jawapan daripada petikan. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak berupaya untuk membina ayat sendiri. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Reaksi Hana setelah menerima bantahan daripadanya ibunya ialah empangan air matanya Hana seakan-akan pecah tetapi ditahan sekutu-kuatnya. ‘Ibu, redailah impian Hana. Tanpa doa ibunya Hana tidak mampu mencapai impian Hana,’ rayu Hana. Hana juga meminta bantuan daripada ayahnya untuk melembutkan hati ibu agar merestui pemergiannya ke kolej untuk pengajian demi mengejar impianinya

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menyatakan halangan yang dihadapi oleh Hana dalam merealisasikan cita-citanya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengemukakan ketiga-tiga isi dengan betul. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Halangan yang dihadapi oleh Hana dalam merealisasikan cita-citanya ialah Hana tidak mendapat persetujuan ibunya pada peringkat awal. Selain itu, Hana diperlekeh oleh orang lain. Hana juga dikhianati oleh rakan sebiliknya di kolej.

Kelemahan calon untuk soalan ini ialah mereka tidak dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan ayat yang gramatis. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Halangan yang dihadapi oleh Hana dalam merealisasikan cita-citanya ialah Hana sering diperlekehkan oleh orang lain serta ibunya. Seterusnya dia juga tidak direstui ibunya untuk memperjuangkan cita-citanya pada permulaannya. Akhir sekali, dia juga pernah ditikam belakang kawan sebiliknya, iaitu hasil lakaran kasut ciptaananya.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menyatakan sebab majikan Hana menghargainya. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat mengemukakan tiga sebab majikan Hana menghargainya, sesuai dengan peruntukan markah, iaitu 3 markah. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Majikan Hana menghargainya kerana Hana:

- menaikkan nama syarikat
- mereka kasut yang mendapat pujian
- meningkatkan hasil jualan syarikat
- memiliki kreativiti dan kesungguhan bekerja
- mereka kasut yang memenuhi kehendak pelanggan

Calon seharusnya memberikan tiga daripada sebab tersebut. Namun demikian, kelemahan calon tetap sama, iaitu mereka tidak dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Majikan Hana menghargainya kerana berkat kreativiti dan kesungguhan Hana mereka kasut yang memenuhi kehendak pelanggan telah menaikkan nama syarikat dengan meningkatkan jualan kasutnya.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan peranan majikan dalam meningkatkan prestasi pekerja. Panjang jawapan calon hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. Markah penuh untuk soalan ini ialah 20 markah. Calon seharusnya menjawab soalan ini dengan mengemukakan isi utama, hurai isi utama, contoh, dan hurai contoh. Calon mestilah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi utama. Contoh isi utama yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Memberikan pengiktirafan
- Memberikan ganjaran
- Mengenal pasti dan menggilap bakat serta potensi pekerja
- Mewujudkan persekitaran kerja yang positif
- Memberikan kursus dan latihan yang bersesuaian dari masa ke masa

Prestasi calon untuk soalan ini adalah sederhana. Calon sebenarnya dapat mengemukakan isi utama namun mereka tidak dapat memberikan hurai dan contoh yang bersesuaian. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak menguasai kemahiran mengarang. Kebanyakan calon menghuraikan isi secara bercampur aduk. Ada kalanya, hurai yang dikemukakan tidak berkaitan dengan isi utama. Sesetengah calon pula cenderung untuk mengulang hurai yang sama ataupun hurai yang hampir sama untuk memanjangkan esei. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Peranan majikan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pekerja dengan mengadakan kursus latihan kepada pekerja. Pekerja baru terutamanya hendaklah diberi latihan supaya mereka lebih mahir dan mencontohi pekerja lama. Hal ini kerana latihan penting kepada pekerja yang kurang mahir. Seterusnya pekerja yang mendapat latihan secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi.

Ada sesetengah calon yang mengemukakan isi yang kurang tepat. Hal ini menyebabkan perkara yang dihuraikan menjadi kurang jelas dan tidak menepati kehendak soalan. Contoh isi utama yang dikemukakan termasuklah:

- Majikan perlu bertanggungjawab
- Majikan perlu tegas terhadap pekerja
- Majikan tidak harus bersikap pilih kasih
- Majikan perlu menaikkan gaji setiap bulan
- Majikan perlu memberikan sokongan kepada pekerja

Kelemahan calon dari aspek bahasa amat ketara. Hampir semua calon melakukan pelbagai kesalahan bahasa. Kesalahan yang paling ketara ialah kegagalan calon mengemukakan ayat pertama pada setiap permulaan perenggan untuk menyatakan isi. Kesalahan yang sama dilakukan pada setiap akhir ayat, iaitu apabila calon cuba membuat kesimpulan kecil dengan menyalin ayat pertama itu semula dan menambahkan frasa “oleh itu” atau “dengan ini” pada pangkal ayat tersebut. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Usaha majikan untuk meningkatkan prestasi pekerja, iaitu memberikan ganjaran kepada pekerja yang cemerlang. Oleh itu, usaha majikan untuk meningkatkan prestasi pekerja, iaitu memberikan ganjaran kepada pekerja yang berdisiplin dan cemerlang.

Seterusnya mengadakan program kemahiran kepada pekerja yang baharu. Dengan ini jelaslah bawaha mengadakan program kemahiran kepada pekerja yang baharu.

Pengulangan ayat pertama yang salah pada akhir setiap perenggan dengan menambah penanda wacana tertentu pada pangkal ayat yang kebanyakannya tidak tepat mengakibatkan setiap calon tidak memperoleh markah bahasa yang baik. Kelemahan ini amat ketara dalam kalangan calon.

BAHAGIAN C: Penulisan Esei tidak Berformat

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab satu daripada tiga soalan eseai yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 50 markah. Calon perlu menulis eseai yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan soalan yang dipilih. Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi memperoleh markah melebihi 35 markah. Mereka dapat mengemukakan isi yang relevan dengan kehendak soalan dan mencukupi dari segi jumlah isi yang diperlukan. Mereka dapat memperkembang isi utama dengan jelas, teratur, berkesan, dan meyakinkan. Bahasa mereka juga lancar dan gramatis. Calon sedemikian dapat menggunakan kosa kata dan istilah khusus yang sesuai dengan soalan yang dipilih. Calon juga dapat menulis eseai yang panjangnya menepati kehendak soalan. Mereka nyata membuat perancangan yang baik dan mampu menghasilkan eseai yang menepati ciri wacana yang utuh.

Calon yang sederhana prestasinya pada umumnya dapat memberikan isi yang relevan, tetapi jumlah isinya tidak mencukupi. Huraian yang dikemukakan pula kurang relevan dengan isi utama. Calon yang lemah pula tidak dapat memberikan isi yang relevan, jelas, dan bernas. Isi yang dikemukakan kurang tepat, berulang, dan tidak menunjukkan kematangan sebagai calon prauniversiti. Jumlah isi yang dikemukakan juga tidak mencukupi. Huraian yang dikemukakan pula lemah, di samping terdapat huraian yang bertindan dan ada huraian yang tidak relevan dengan isi utamanya.

Dari segi persempahan, calon yang berprestasi tinggi dapat menulis eseai dengan kemas dan berkesan. Esei mereka menyerlahkan ciri kohesi dan koheren dengan baik sekali. Panjang eseai juga menepati jumlah patah perkataan yang diperlukan, iaitu antara 600 hingga 650 patah perkataan. Calon yang lemah pula jelas tidak menguasai kemahiran mengarang. Mereka menulis eseai tanpa perancangan, dan hal ini menyebabkan mereka menulis apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran mereka. Akibatnya, terhasillah satu perenggan yang memuatkan isi lebih daripada satu, atau isi yang sama diulang dalam perenggan yang berbeza.

Dari segi pengolahan, kebanyakan calon dapat mengolah isi secara sederhana. Dari segi pemerenggan, ada calon yang bijak membahagikan perenggan. Mereka dapat menyeimbangkan bilangan patah perkataan untuk setiap perenggan. Namun demikian, ada juga calon yang tidak membahagikan perenggan dengan seimbang. Ada perenggan yang ditulis terlalu panjang, dan ada pula perenggan yang ditulis terlalu pendek. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah yang baik untuk aspek pengolahan.

Dari segi bahasa, prestasi kebanyakan calon adalah lemah. Kebanyakan calon memperoleh markah bahasa di bawah 4 markah, sedangkan markah penuh untuk aspek bahasa ialah 15 markah. Calon jelas tidak dapat membina ayat yang betul dari segi tatabahasa dan maknanya. Kesalahan bahasa yang ketara dalam jawapan calon adalah seperti yang berikut:

(a) Memulakan ayat dengan tugasan soalan

Sebahagian besar calon memulakan perenggan isi dengan didahului oleh tugasan soalan yang tidak tepat. Contohnya:

- (i) Faktor makanan segera digemari oleh masyarakat kerana mudah didapati.
- (ii) Kesan negatif terakhir bagi tabiat pengambilan makanan segera ialah masyarakat mudah mendapat penyakit.
- (iii) Kepentingan aktiviti rekreasi kepada masyarakat adalah dapat mewujudkan hubungan keleluargaan.

(b) Kesalahan penggunaan penanda wacana

Kesalahan penggunaan penanda wacana juga ketara sekali. Calon-calon menggunakan penanda wacana tanpa memahami fungsinya. Antara penanda yang digunakan calon secara yang tidak tepat ialah *oleh itu, walaupun begitu, lagi pun, tambahan pula, seterusnya, akhir sekali, selain daripada itu, selain itu juga, di samping itu juga, sehubungan itu, justeru itu, dan rentetan daripada itu*. Selain itu, selepas calon menulis dua atau tiga isi tentang faktor, calon menggunakan penanda wacana *walaupun begitu* atau *walaupun bagaimanapun* untuk memulakan isi tentang kesan. Contohnya:

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan makanan segera digemari masyarakat. Huraian isi ...

Walaupun begitu, terdapat beberapa kesan pengambilan makanan segera kepada individu

(c) Kesalahan memulakan ayat dengan kata hubung, contohnya:

- (i) Malah makanan segera digemari oleh orang dewasa.
- (ii) Namun masyarakat sekarang tidak suka aktiviti rekreasi.
- (iii) Bahkan ada yang membeli makanan segera banyak untuk disimpan.
- (iv) Manakala terdapat makanan ringan yang berbahaya kepada kesihatan.
- (v) Bak kata pepatah, makanan atas kesihatan.

(d) Kesalahan membina ayat tergantung, contohnya:

- (i) Bagi individu yang ketagih makanan segera boleh diserang penyakit.
- (ii) Dengan melakukan aktiviti rekreasi dapat mengisi masa lapang dengan cara yang berfaedah. Selain itu dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan ahli keluarga.
- (iii) Mereka yang mengalami masalah obesiti kerana selalu mengambil makanan segera.
- (iv) Kesannya dapat menyebabkan individu mengalami obesiti.

(e) Kesalahan binaan frasa

Kesalahan binaan frasa termasuklah tidak mematuhi Hukum D-M, dan terdapat unsur lewah. Contohnya: lain-lain faktor, berbagai-bagai penyakit-penyakit, seseorang individu, pada masa kini, antara faktor-faktor, sebagai kesan akibat, saling tegur-menegur dan dari masa ke semasa.

(f) Kesalahan binaan ayat pasif kata ganti nama diri, contohnya:

- (i) Banyak makanan segera yang mereka ambil ...
- (ii) Kesan tersebut hendaklah masyarakat sedari ...
- (iii) Kemudahan rekreasi yang telah kerajaan sediakan ...

(g) Kesalahan ejaan, contohnya kebanyakkan, mengemari, walaubagaimapun, mewar-warkan, disamping, dikalangan, *diantara*, dan *samada*.

Komen soalan demi soalan

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang faktor makanan segera semakin digemari oleh anggota masyarakat di negara ini dan kesan negatif tabiat pengambilan makanan itu. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Faktor makan segera semakin digemari oleh anggota masyarakat
 - (i) Makanan segera mudah diperoleh.
 - (ii) Makanan segera mudah disediakan.
 - (iii) Makanan segera mempunyai rasa yang enak.
 - (iv) Orang ramai mudah tertarik dengan iklan makanan segera.
 - (v) Memakan makanan segera dikatakan mengikut trend terkini dan melambangkan kekayaan.
 - (vi) Masyarakat berkemampuan untuk membeli makanan segera walaupun harganya mahal.

- (b) Kesan negatif tabiat pengambilan makanan segera
 - (i) Menjejaskan kesihatan
 - (ii) Membebankan pengguna dari segi kewangan
 - (iii) Menyebabkan makanan tradisional semakin terpinggir

Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi yang tepat dengan kehendak soalan. Mereka dapat menyokong isi dengan memberikan huraihan dan juga contoh yang bersesuaian. Namun demikian, ada segelintir calon yang menyamakan makanan segera dengan makanan ringan. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menulis pendahuluan esei dengan baik. Ada calon yang memasukkan isi dalam perenggan pendahuluan. Selain itu, ada calon yang menulis perkara yang tersasar daripada kehendak soalan. Contoh perenggan yang ditulis oleh calon adalah seperti yang berikut:

Dasawarsa ini, makanan segera semakin digemari oleh masyarakat di negara ini. Makanan segera ialah makanan yang mudah didapati dan semakin mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia kerana penyediaan tidak mengambil masa yang lama untuk menyiapkan makanan tersebut malah dengan mengambil makanan segera juga memudahkan urusan terutama bagi suri rumah yang tidak mempunyai masa untuk menyiapkan makanan untuk keluarga.

Selain itu, kelemahan calon mengemukakan isi juga amat ketara. Kebanyakan calon tidak dapat mempelbagaikan cara memulakan perenggan isi karangan. Selain ayatnya tidak tepat, kelemahan ini juga menyebabkan maksud isi yang dikemukakan kabur. Contoh ayat permulaan perenggan isi yang ditulis oleh calon adalah seperti yang berikut:

Faktor makanan segera digemari kerana makanan tersebut mudah diperoleh. (Perenggan isi 1)

Faktor kedua makanan segera digemari ialah mudah disediakan. (Perenggan isi 2)

Seterusnya faktor makanan segera digemari disebabkan harganya yang murah. (Perenggan isi 3)

Akhir sekali disebabkan makanan segera mempunyai rasa yang enak. (Perenggan isi 4)

Calon juga tidak dapat menghuraikan isi dengan baik. Kebanyakan calon menulis apa-apa sahaja yang difikirkan ada kaitan dengan isi yang dikemukakan. Sesetengah calon mengulang perkara yang sama ataupun hampir sama untuk memanjangkan huraihan. Selain itu, sebahagian besar calon cenderung untuk menyalin ayat pertama dalam perenggan dengan menambah penanda wacana tertentu pada akhir perenggan. Contoh perenggan isi yang ditulis oleh calon adalah seperti yang berikut:

Kesan negatif makanan segera boleh membahayakan kesihatan. Biasanya masyarakat mengambil makanan segera terlalu kerap. Makanan ini juga tidak mengenyangkan jika dibandingkan dengan makanan biasa. Kadang-kadang boleh menyebabkan pemakan sakit perut dan obesiti jika sudah menjadi ketagih. Lagipun, masyarakat tidak menyedari kandungan garam yang terdapat dalam makanan segera. Ini mengakibatkan individu mengalami obesiti dan sakit buah pinggang. Oleh itu,

masyarakat hendaklah mengetahui kandungan makanan segera sama ada berbahaya atau tidak dan tidak harus mengamalkannya secara yang berterusan supaya tidak mengalami penyakit yang boleh menjelaskan kesihatan bahkan membawa maut. Oleh itu, kesihatan negatif pengambilan makanan segera boleh membahayakan kesihatan.

Berdasarkan contoh tersebut, oleh sebab ayat pertama salah dari segi strukturnya, maka ayat terakhir juga salah. Selain itu, huraian isinya juga bercampur aduk.

Kelemahan calon yang lain ialah mereka mengemukakan isi yang kurang relevan dengan kehendak soalan. Contohnya, calon menyatakan bahawa makanan segera digemari kerana ia mudah dibawa berkelah dan masyarakat pada hari ini kurang mahir memasak. Dari segi kesan negatifnya pula, calon menyatakan bahawa pengambilan makanan segera menyebabkan pelajar mengantuk, ketagih, menjadi malas, atau lemau. Selain itu, calon juga menyatakan bahawa pengambilan makanan segera menyebabkan pembaziran kerana masyarakat suka membeli makanan segera dalam kuantiti yang banyak dan makanan yang tidak habis dimakan itu terpaksa dibuang.

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang kepentingan aktiviti rekreasi kepada individu, masyarakat, dan negara. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- Menyegarkan fikiran dan fizikal seseorang
- Mengeratkan silaturahim
- Meluangkan masa dengan aktiviti yang berfaedah
- Meningkatkan produktiviti individu dan negara
- Melegakan tekanan

Sebahagian besar calon dapat mengemukakan isi yang bertepatan dengan kehendak soalan. Namun demikian, kelemahan calon amat ketara dari aspek kaedah penulisan karangan. Calon melakukan kesalahan setiap kali menulis isi pada permulaan perenggan isi. Contohnya:

Kepentingan aktiviti rekreasi kepada individu ialah dapat mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti yang berfaedah. (Perenggan isi 1)

Kepentingan yang lain pula aktiviti rekreasi kepada individu ialah menyihatkan badan. (Perenggan isi 2)

Seterusnya kepentingan aktiviti rekreasi kepada masyarakat dapat mengeratkan hubungan silaturahim penduduk yang berbilang kaum. (Perenggan isi 3)

Ayat-ayat berkenaan bukan sahaja salah dari segi tatabahasa malah maksudnya juga kurang jelas. Selain itu, kelemahan calon menghuraikan isi juga amat ketara. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Selain itu juga kepentingan lain, banyak pihak yang telah terlibat dalam mengekalkan kepentingan aktiviti rekreasi dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana melalui aktiviti rekreasi banyak masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian. Selain itu, aktiviti rekreasi ini juga dapat memberi kemudahan yang dapat digunakan oleh masyarakat bagi mengekalkan kesihatan tubuh badan kita. Pusat rekreasi yang dibina juga dapat memberi keselesaan kepada masyarakat untuk melakukan riadah yang dapat memberi kesihatan yang stabil untuk masyarakat dan mengamalkan pemakanan yang seimbang.

Berdasarkan contoh tersebut, dapat dilihat bahawa walaupun isinya ada, tetapi persembahannya tidak teratur. Calon ini memasukkan perkara lain yang kurang berkaitan dalam perenggan tersebut.

Ada segelintir calon yang mengemukakan isi yang tidak sesuai, antaranya termasuklah aktiviti rekreasi dapat menarik pelancong asing. Negara memperoleh pendapatan apabila pelancong asing datang

untuk berekreasi. Ada juga calon yang menyatakan bahawa aktiviti rekreasi dapat meningkatkan imej negara kerana Malaysia terkenal dengan aktiviti rekreasi. Selain itu, calon yang kurang teliti pula mencampuradukkan kepentingan aktiviti rekreasi dengan kepentingan penubuhan pusat rekreasi.

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang sebab sesetengah anggota masyarakat kurang berminat untuk menderma darah. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- Sikap takut untuk menderma darah
- Sibuk dengan kerjaya masing-masing
- Kurang kesedaran
- Masalah kesihatan
- Takut akan risiko menderma darah

Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi dengan tepat. Namun demikian, kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menghuraikan isi dengan baik. Ada huraian yang terpesong daripada isi utama yang dikemukakan. Kelemahan calon juga jelas terlihat dalam aspek penulisan karangan. Selain binaan ayat salah, calon juga mencampuradukkan isi dalam satu perenggan. Hal ini menjadikan perenggan yang terhasil terlalu panjang. Contoh perenggan yang ditulis oleh calon adalah seperti yang berikut:

Dalam kesibukan menjalani urusan harian, masyarakat sememangnya tidak akan menderma darah. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat takut dengan jarum yang digunakan oleh doktor ketika menderma darah. Ketakutan akan menyebabkan mereka menjadi panik dan trauma yang melampaui akhirnya mereka tidak mahu menderma darah. Mereka tidak sedar bertapa pentingnya setitik darah yang didermakan kepada pihak yang memerlukan. Mereka memberikan alasan sibuk dengan tugas harian sebagai sebab mengapa mereka tidak mahu menderma darah. Walhal kesibukan itu boleh dielakkan jika ada niat ingin menderma darah bagi membantu orang yang memerlukan. Masyarakat tidak seharusnya takut untuk menderma darah kerana ia selamat dan mengikut prosedur yang sah. Oleh itu, kerajaan sepatutnya mengadakan kempen untuk menggalakkan lagi masyarakat untuk terus menderma darah bagi memastikan bekalan darah negara sentiasa mencukupi. Selain kempen, ganjaran lumayan boleh diberikan kepada penderma sebagai motivasi untuk mereka menderma darah dengan banyak. Seandainya semua masyarakat keluar menderma darah, pastinya lagi banyak mangsa kemalangan dapat diselamatkan.

Berdasarkan contoh tersebut, jelas dilihat bahawa calon membina ayat yang tidak tepat dari segi tatabahasanya. Isi utama yang dikemukakan pula bercampur aduk. Huraianya jelas tidak menyokong isi utama kerana isinya tidak berfokus. Selain itu, ada segelintir calon memberikan isi yang kurang sesuai, misalnya calon menyatakan bahawa anggota masyarakat kurang berminat untuk menderma darah kerana faktor kumpulan darah yang tidak sesuai, tidak mendapat sokongan daripada ahli keluarga, dan lokasi menderma darah jauh dari tempat tinggal mereka.

BAHASA MELAYU (910/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 27 948 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.52% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.59	3.81	9.41	8.14	9.71	7.33	15.63	4.00	7.81	3.88	18.70

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	11	A	21	C
2	C	12	A	22	A
3	C	13	A	23	D
4	D	14	D	24	B
5	A	15	D	25	B
6	C	16	D	26	C
7	B	17	D	27	B
8	C	18	B	28	D
9	A	19	B	29	A
10	A	20	D	30	B

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat seramai 17 orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 30 markah, manakala seramai 36 orang calon pula mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Berdasarkan respons calon, didapati bahawa soalan 1 merupakan soalan yang mudah kerana lebih 70 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan yang lain pula merupakan soalan yang sederhana bagi calon.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian B adalah sederhana. Kebanyakan calon memperoleh markah di bawah 22 markah. Hanya ada sebilangan kecil calon yang cemerlang yang mendapat 22 markah dan ke atas. Calon tersebut dilihat menguasai aspek-aspek yang ditanya, berupaya untuk memahami kehendak soalan dengan baik, dapat menggunakan istilah dengan betul, dan dapat menjawab soalan dengan menggunakan binaan ayat yang gramatis.

Calon dapat menjawab beberapa soalan dengan baik, misalnya soalan 31, 32, dan 34. Jawapan bagi soalan-soalan lain pula kelihatan tidak konsisten. Ada segelintir calon yang dapat menjawab soalan dengan baik manakala segelintir calon yang lain pula memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Hal ini dapat dilihat dalam jawapan calon untuk soalan 35. Jawapan yang diberikan oleh calon menunjukkan bahawa mereka tidak menguasai tajuk yang dipelajari. Calon dilihat tetap berusaha untuk memberikan jawapan dan tidak membiarkan ruang jawapan kosong.


Terdapat beberapa kelemahan calon yang dapat dikenal pasti. Antaranya, calon bersikap sambil lewa ketika menjawab soalan. Terdapat soalan yang memerlukan calon menyalin kembali pernyataan dalam soalan tetapi calon membuat kesilapan ketika menyalin jawapan. Ada calon yang tertinggal bahagian yang sepatutnya disalin. Hal ini menyebabkan calon kehilangan markah. Kelemahan ini dapat dilihat dengan ketara untuk soalan 36 dan 38(b). Selain itu, ada calon yang tidak membaca soalan dengan teliti. Hal ini menyebabkan mereka memberikan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Kelemahan ini dapat dilihat pada jawapan untuk soalan 35 dan 38. Ada calon yang bersikap tidak serius ketika menjawab soalan. Mereka memberikan jawapan secara sembrono. Kelemahan ini dapat dilihat untuk soalan 37.

Jika dibandingkan antara bidang morfologi dengan sintaksis, calon dilihat lebih menguasai bidang morfologi. Hal ini dapat dilihat melalui jawapan calon untuk soalan morfologi. Kebanyakan mereka memperoleh markah untuk soalan morfologi, berbanding dengan soalan sintaksis.

Komen soalan demi soalan

Soalan 31

Soalan ini menghendaki calon menyatakan jenis morfem yang diwakili oleh *P* dan *Q* dalam rajah yang berikut:



Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) *P*: Morfem terikat
- (b) *Q*: Morfem bebas

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat mengenal pasti kedua-dua jenis morfem berdasarkan contoh yang diberikan dalam rajah. Namun demikian, walaupun soalan ini

dianggap mudah, ada juga sebilangan calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Ada calon yang memberikan jawapan secara terbalik, iaitu P: morfem bebas dan Q: morfem terikat. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang tidak berkenaan dengan jenis morfem, contohnya kata nama, kata adjektif, kata nama am, kata dasar, dan sisipan.

Soalan 32

Soalan ini menghendaki calon menamakan bentuk kata I dan II berdasarkan jadual yang berikut:

Bentuk kata	
I	II
Kandar	Mengandar
Latar	Berlatarkan

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) I: Kata tunggal
- (b) II: Kata terbitan

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka menguasai tajuk bentuk kata seterusnya dapat mengesan kedua-dua bentuk kata bagi perkataan yang diberikan dalam jadual. Namun demikian, calon yang lemah memberikan pelbagai jawapan. Antaranya, kata dasar, kata berimbuhan, kata majmuk, kata nama, dan kata kerja. Jawapan yang diberikan jelas menunjukkan mereka benar-benar tidak mengetahui bentuk kata bagi keempat-empat perkataan tersebut. Selain itu, calon juga tidak dapat membezakan bentuk kata dengan golongan kata.

Soalan 33

Soalan 33(a) menghendaki calon (i) membina satu ayat yang gramatis dengan menggunakan kata tugas “dalam” sebagai kata arah dan (ii) satu ayat lagi dengan menggunakan kata tugas “dalam” sebagai kata sendi nama. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Adik memasukkan buku ke dalam beg.
- (ii) Adik mendapat tempat pertama dalam pertandingan itu.

Tidak ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Hanya ada sebilangan kecil calon yang cemerlang yang dapat membezakan penggunaan kata “dalam” sebagai kata arah dan sebagai kata sendi nama. Mereka dapat membina ayat yang gramatis untuk menunjukkan perbezaan penggunaannya. Namun demikian, kebanyakan calon tidak dapat membezakan perkataan ini. Banyak calon yang memberikan contoh ayat yang menggunakan perkataan “dalam” sebagai kata arah untuk (ii), manakala untuk (i) pula, calon membina ayat dengan menggunakan perkataan “dalam” sebagai kata adjektif. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Air kolam itu sungguh dalam sekali.
- (ii) Alan menyimpan duitnya di dalam tabung itu.

Soalan 33(b) pula menghendaki calon menyatakan golongan kata bagi perkataan yang berhuruf condong dalam ayat yang berikut:

Pak Tua ialah orang yang amat disegani di daerah *pedalaman* itu.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah kata nama. Namun demikian, ramai calon memberikan jawapan kata adjektif. Jawapan sedemikian menunjukkan bahawa calon tidak memahami konteks penggunaan perkataan tersebut dalam ayat. Contoh jawapan lain yang diberikan oleh calon ialah kata arah, kata berimbuhan, dan kata sendi nama.

Soalan 34

Soalan ini menghendaki calon membina satu perkataan yang mengalami (a) proses pengimbuhan dan (b) proses penggandaan dengan menggunakan kata dasar “bangsa”. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) berbangsa
- (b) bangsa-bangsa

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang betul untuk soalan ini. Mereka dapat mengaplikasi dua proses morfologi terhadap perkataan “bangsa”. Kebanyakan calon memberikan jawapan berbangsa/ kebangsaan untuk (a) dan bangsa-bangsa untuk (b). Namun demikian, calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak memahami kehendak soalan yang hanya meminta mereka membina perkataan. Sebaliknya, mereka membina frasa dan ayat. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Puan Aminah berbangsa Melayu.
(ii) Gunakanlah bahasa kebangsaan dengan betul.
- (b) (i) bangsa-bangsa bersatu
(ii) berbilang bangsa

Soalan 35

Soalan ini menghendaki calon menulis tiga klausa yang membina ayat yang berikut:

Mereka berlari keluar dari rumah itu menuju ke seberang jalan.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) mereka berlari
- (b) mereka keluar dari rumah itu
- (c) mereka menuju ke seberang jalan

Untuk menjawab soalan ini, calon perlu mencerakinkan ayat berkenaan kepada tiga klausa yang membentuknya. Hanya ada sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti klausa, seterusnya menulis kluasa dengan betul, iaitu dimulai dengan huruf kecil dan tidak diakhiri dengan noktah. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat mencerakinkan ayat tersebut. Hal ini menyebabkan mereka memberikan binaan klausa yang salah.

Ada calon yang dapat mengenal pasti klausa, tetapi jawapannya ditulis dengan dimulai dengan huruf besar dan diakhiri dengan noktah, menjadikan jawapan tersebut sebagai ayat, bukan lagi klausa. Bentuk jawapan sedemikian menunjukkan bahawa calon tidak dapat membezakan ayat dengan klausa. Selain itu, ada calon yang bukan menulis klausa, sebaliknya mereka menulis jenis klausa, seperti klausa bebas dan klausa tak bebas.

Soalan 36

Soalan ini menghendaki calon menyusun semula ayat yang diberikan melalui dua proses, iaitu (a) pendepanannya sebahagian predikat dan (b) pendepanannya seluruh predikat, tanpa mengubah makna asalnya.

Ayat yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Kereta yang dipandu oleh pemuda itu terlanggar pagar sekolah pada pagi tadi.

Ada calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat menyusun semula ayat di atas melalui proses yang dikehendaki dalam soalan. Calon yang berprestasi tinggi nampaknya menguasai tajuk susunan konstituen ayat dengan baik. Mereka dapat menyusun semula ayat dengan meletakkan subjek ayat pada posisi yang bersesuaian dalam ayat. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:


- (a) (i) Terlanggar pagar sekolah kereta yang dipandu oleh pemuda itu pada pagi tadi.
- (ii) Pada pagi tadi terlanggar pagar sekolah kereta yang dipandu oleh pemuda itu.
- (b) (i) Terlanggar pagar sekolah pada pagi tadi kereta yang dipandu oleh pemuda itu.
- (ii) Pada pagi tadi terlanggar pagar sekolah kereta yang dipandu oleh pemuda itu.

Namun demikian, ada calon yang langsung tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat menyusun semula ayat tersebut melalui kedua-dua proses yang diberikan. Sesetengah calon nampaknya tidak dapat mengenal pasti subjek dalam ayat tersebut. Hal ini menyebabkan ayat yang dibina tidak tepat. Selain itu, ada calon yang tersalah menyalin struktur ayat, tertinggal perkataan ketika menyalin ayat, dan ada calon yang mengubah makna ayat. Ada juga calon yang mengubah struktur ayat tersebut menjadi ayat aktif dan ayat pasif serentak. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Pada pagi tadi pagar sekolah itu dilanggar oleh pemuda yang memandu kereta itu.
- (b) Pada pagi tadi kereta yang dipandu oleh pemuda itu terlanggar pagar.

Soalan 37

Soalan 37 berdasarkan rajah yang berikut:



Soalan 37(a) menghendaki calon membina satu ayat yang menepati X, manakala soalan 37(b) pula menghendaki calon membina satu ayat larangan tanpa menggunakan kata larangan. Soalan ini sukar bagi kebanyakan calon. Hanya calon yang berprestasi tinggi dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka mengetahui bahawa X merupakan ayat permintaan. Mereka dapat membina ayat permintaan dengan menggunakan kata permintaan, seperti tolong, minta, dan mohon. Untuk soalan 37(b) pula, calon yang berprestasi tinggi dapat membina ayat larangan tanpa menggunakan kata larangan. Mereka menggunakan perkataan seperti dilarang, tidak boleh, dan tidak dibenarkan. Contoh jawapan calon yang tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Mohon semua bertenang.
- (b) Dilarang masuk ke dewan.

Soalan ini menjadi sukar kepada calon yang lemah kerana mereka tidak dapat mengenal pasti jenis-jenis ayat perintah. Buktinya, mereka membina pelbagai jenis ayat perintah yang lain. Untuk soalan 37(b) pula, calon membina ayat dengan menggunakan kata larangan. Selain itu, ada calon yang membina ayat penyata. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak dapat membezakan ayat perintah dengan ayat penyata. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Sila duduk di sana.
(ii) Dia bukan anak ketua kampung.
- (b) (i) Jangan bising.
(ii) Usah engkau pergi ke tempat itu.
(iii) Pelajar itu tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.

Soalan 38

Soalan 38 berdasarkan ayat majmuk yang berikut:

I	Jack Devaney sedang membelek sebuah bekas pensel rekaannya yang menyerupai seekor tikus.
II	Beliau berasa bangga apabila berjaya menghasilkan bekas pensel yang mempunyai reka bentuk rangka haiwan sehingga rekaannya itu mendapat sambutan dan dijual secara meluas di pasaran.

Soalan 38(a) menghendaki calon menyatakan jenis ayat majmuk I dan ayat majmuk II, manakala soalan 38(b) menghendaki calon menulis satu ayat tunggal yang membentuk ayat majmuk I. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan 38(a), iaitu I: Ayat majmuk pancangan relatif dan II: Ayat majmuk campuran. Calon dapat membezakan jenis-jenis ayat majmuk. Untuk soalan 38(b) pula, sebilangan besar calon dapat menulis ayat tunggal berkenaan, iaitu:

- (i) Jack Devaney sedang membelek sebuah bekas pensel rekaannya.
- (ii) Bekas pensel rekaannya menyerupai seekor tikus.

Namun demikian, ada sebilangan calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka jelas tidak mengenali jenis-jenis ayat majmuk. Buktinya, mereka memberikan jenis ayat majmuk pancangan keterangan, ayat majmuk gabungan, dan ayat majmuk pancangan campuran, sedangkan jenis kata hubung yang digunakan dalam ayat majmuk I dan ayat majmuk II jelas menunjukkan jenis ayat majmuk tersebut. Untuk soalan 38(b) pula, ada calon yang menulis ayat majmuk rekaan sendiri, dan bukannya merujuk ayat I. Contoh ayat yang ditulis oleh calon ialah “Adik Ali seorang yang panas baran.”

Soalan 39

Soalan ini menghendaki calon menyatakan proses penerbitan ayat bagi ayat (a) dan ayat (b) yang berikut:

- (a) Berdiri tegak di situ.
- (b) Kucing mengiau manakala kambing mengembek.

Calon yang berprestasi tinggi dapat menyatakan proses penerbitan yang betul, iaitu (a) proses pengguguran dan (b) proses peluasan. Calon seperti ini dapat menganalisis proses kedua-dua ayat tersebut diterbitkan. Namun demikian, calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan ini. Jawapan yang diberikan, seperti ayat penyata dan ayat majmuk menunjukkan bahawa mereka langsung tidak mempunyai pengetahuan tentang proses penerbitan ayat. Selain itu, ada sesetengah calon yang menambah istilah dalam proses penerbitan ayat, contohnya proses pengguguran ayat, proses peluasan ayat, proses pengguguran subjek, dan proses peluasan klausa. Hal ini menyebabkan jawapan mereka tidak diterima, walaupun terdapat istilah pengguguran atau peluasan.

Soalan 40

Soalan ini menghendaki calon menganalisis kesalahan bahasa berdasarkan petikan yang diberikan. Calon perlu menyenaraikan tiga kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan menulis pembetulannya. Petikan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Kes keracunan makanan yang sering berlaku di kebanyakan sekolah disebabkan oleh kaedah penyediaan makanan tidak bersih. Sebagai contoh, bahan mentah-bahan mentah yang hendak dimasak tidak dicuci dengan bersihnya. Akibatnya, makanan yang telah dimasak masih mengandungi sisa-sisa racun perosak atau bakteria. Tempat penyediaan makanan yang kotor semakin memburukkan keadaan. Selain daripada itu, kaedah penyimpanan makanan juga menjadi faktor berlakunya keracunan makanan. Contohnya, makanan yang mudah rosak akan tercemar jika dibiarkan terdedah.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
(a)	...kaedah penyediaan makanan tidak bersih.	Tiada kata hubung relatif dalam ayat majmuk pancangan relatif	...kaedah penyediaan makanan yang tidak bersih.
(b)	...bahan mentah-bahan mentah...	Kesalahan penggandaan kata majmuk tak mantap	...bahan-bahan mentah...
(c)	Selain daripada itu...	Lewah kerana menggunakan dua kata sendi nama serentak	Selain itu...

Prestasi calon untuk soalan ini adalah sederhana. Hanya ada sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengesan tiga kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan tersebut dan membuat pembetulannya. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menjelaskan sebab kesalahan. Calon yang lemah pula hanya dapat mengesan satu atau dua kesalahan. Ada calon yang tidak menulis kesalahan dengan lengkap. Mereka juga membiarkan ruang sebab kesalahan kosong tanpa sebarang jawapan.

BAHASA MELAYU (910/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 27 693 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 63.27% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.53	8.34	6.35	6.87	10.79	7.02	10.37	9.66	11.30	6.35	9.41

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	11	B
2	C	12	D
3	B	13	A
4	B	14	A
5	D	15	C
6	D	16	D
7	C	17	C
8	C	18	D
9	B	19	A
10	A	20	A

Komen am

Berdasarkan respons calon, soalan 2, 7, 10, dan 16 merupakan soalan yang sukar kerana hanya 30% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 4, 6, 8, 13, 14, dan 17 pula merupakan soalan yang mudah kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan lain pula merupakan soalan beraras sederhana bagi calon.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian B adalah sederhana. Terdapat calon yang dapat menjawab soalan dalam bahagian ini dengan baik namun ramai juga calon yang tidak dapat menjawab soalan-soalan tertentu dalam bahagian ini. Calon nampaknya tidak menguasai beberapa topik tertentu. Buktinya, mereka memberikan jawapan yang jauh terpesong daripada kehendak soalan. Selain itu, kelemahan calon yang ketara ialah mereka cuai ketika menjawab soalan. Mereka melakukan kesalahan ejaan istilah seperti untuk istilah kohesi, deduksi, isoglos, dan diglosia. Kecuaian lain yang dilakukan oleh calon ialah mereka tidak membaca arahan dengan betul. Sebagai contoh, ada soalan yang meminta calon membina wacana, tetapi mereka memberikan jawapan dalam bentuk satu ayat sahaja. Begitu juga sebaliknya, soalan menghendaki calon membina satu ayat tetapi mereka memberikan jawapan dalam bentuk wacana.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 21(a) dan 21(b). Soalan (a) menghendaki calon menyatakan ciri wacana yang diwakili oleh X dalam rangsangan yang berikut:

Ciri wacana	Huraian
X	Tautan atau hubungan yang gramatis antara unsur yang membina sesebuah teks dan wacana.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah kohesi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Hanya ada segelintir calon yang memberikan jawapan yang salah, contohnya koheren, penghubung tambahan, dan kesinambungan idea. Selain itu, ada calon yang menganggap bahawa X ialah kohesi dan koheren.

Soalan (b) menghendaki calon membina satu wacana yang mengandungi penanda wacana pengguguran. Panjang wacana yang dibina mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka dapat membina wacana yang menunjukkan penanda pengguguran, contohnya:

Abang dan kakak suka makan sate. Saya tidak.

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka membina wacana yang bukan mengandungi penanda pengguguran, sebaliknya mengandungi penanda rujukan atau penanda penggantian, contohnya:

- Amin dan Aminah ke pasar raya. Mereka pergi membeli-belah.
- Masyarakat kampung sering bergotong-royong. Amalan ini dapat mengeratkan silaturahim.

Selain itu, ada calon yang cuai. Mereka bukan membina wacana, sebaliknya mereka membina satu ayat, contohnya:

- Ibu dan ayah ke pasar, manakala saya tidak.
- Kakak suka membaca novel, saya tidak.

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menyatakan dua jenis penanda wacana yang terdapat dalam petikan yang berikut berserta dengan satu contoh bagi setiap jenis penanda wacana tersebut.

Setiap insan memiliki cita rasa. Dengannya, manusia dapat memahami orang lain, memahami suara alam, ingin mencintai dan dicintai, memerhatikan dan diperhatikan, menghargai dan dihargai, dan cenderung kepada keindahan.

Jawapan yang betul untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

	Jenis penanda wacana	Contoh
(a)	Penanda leksikal	memahami/manusia dengan insan
(b)	Penanda penggantian	Dengannya
(c)	Penanda rujukan	-nya

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti jenis penanda wacana yang digunakan dalam petikan dan memberikan contohnya. Namun demikian, ada sejumlah calon yang tidak dapat mengenal pasti jenis penanda wacana berkenaan. Mereka memberikan pelbagai jawapan, seperti penanda penghubung dan penanda elipsis. Untuk contoh pula, mereka memberikan contoh perkataan dengannya sebagai penanda penghubung. Selain itu, ada calon yang memberikan jenis penanda wacana yang betul, namun mereka memberikan contoh yang salah. Contohnya, untuk jenis penanda leksikal, mereka memberikan perkataan mencintai dan dicintai sebagai contoh. Ada juga calon yang memberikan contoh yang betul, tetapi mereka memberikan jenis penanda wacana yang salah. Ada juga calon yang memberikan jenis penanda wacana rekaan sendiri, seperti penanda kohesi, penanda penyambut, dan penanda komplemen.

Soalan 23

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 23(a) dan 23(b). Soalan (a) menghendaki calon menyatakan definisi retorik. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah seni penggunaan bahasa, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang diberikan jelas menunjukkan bahawa calon tahu konsep retorik. Namun demikian, ada juga sejumlah calon yang tidak dapat memberikan definisi retorik. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Retorik ialah kepelbagaian ragam bahasa dalam pertuturan.
- Retorik ialah penggunaan bahasa untuk menyampaikan sesuatu.
- Retorik ialah penggunaan bahasa untuk mempengaruhi audiens.

Soalan (b) pula menghendaki calon membina satu wacana yang menepati ciri retorik yang diberikan dalam soalan dengan menggunakan permulaan petikan yang turut yang diberikan dalam soalan. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 50 patah perkataan. Ciri dan permulaan petikan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

- Mementingkan ketepatan dalam memperincikan sesuatu
- Memberikan gambaran yang realistik yang dapat dirasai oleh pancaindera
- Bersifat deskriptif dan informatif

Pasar malam di Taman Aman agak besar.

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Pasar malam di Taman Aman agak besar. Terdapat pelbagai gerai, antaranya gerai makanan, minuman, pakaian, buah-buahan, dan sebagainya. Suasana di situ meriah sekali. Kedengaran suara peniaga menjerit harga barang jualan mereka untuk menarik perhatian pelanggan. Kelihatan juga beberapa orang pengemis duduk di bahu jalan dengan pakaian yang compang-camping.

Walaupun kebanyakan calon menjawab soalan ini, tidak semua calon dapat membina wacana yang menepati ciri retorik pemerian. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak dapat benar-benar memberikan gambaran yang realistik tentang pasar malam. Hal ini menyebabkan wacana yang dibina lebih menepati ciri retorik pendedahan atau ciri retorik penceritaan. Kelemahan yang lain ialah calon membina wacana yang tidak berkoheren. Selain itu, ada calon yang memberikan pandangan peribadi dalam wacana lain. Ada pula calon yang cuai. Walaupun soalan menghendaki calon membina wacana, mereka hanya membina satu ayat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Pasar malam di Taman Aman agak besar. terdapat pelbagai jenis makanan, seperti apam balik, ayam goreng, dan mi goreng yang amat menyelerakan dan menarik minat pengunjung membelinya kerana harga yang ditawarkan juga murah dan rasanya sedap sekali.
- Pasar malam di Taman Aman agak besar. Saya dan adik menjadi rambang mata apabila melihat makanan yang kelihatan lazat dan bau yang sedap. Saya dan adik berhenti di sebuah gerai nasi ayam. Nasi ayam yang dijual kelihatan dan mempunyai bau yang menyelerakan. Ayam yang digoreng kelihatan rangup dan sedap dimakan. Nasi yang dimasak kelihatan gebu dan wangi. Saya dan adik membeli nasi ayam yang dijual di gerai tersebut.

Soalan 24

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 24(a) dan 24(b) berdasarkan petikan yang berikut:

Pembakaran terbuka yang sering dilakukan oleh pihak tertentu merupakan punca pencemaran udara. Sesetengah petani menjalankan aktiviti pertanian dengan menebang pokok untuk membersihkan kawasan dengan membakarnya secara terbuka. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila berlaku kebakaran hutan yang tidak terkawal, seperti yang berlaku di Kalimantan, Indonesia.

Soalan 24(a) menghendaki calon menyatakan teknik penyampaian idea yang digunakan dalam petikan tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah teknik penyampaian idea deduksi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Hanya ada sebilangan kecil calon yang memberikan jawapan yang tidak tepat, iaitu teknik penyampaian idea induksi, analogi, dan eklektik.

Soalan 24(b) menghendaki calon menulis satu pernyataan umum yang terdapat dalam petikan tersebut. Hanya ada satu pernyataan umum dalam petikan, iaitu:

Pembakaran terbuka yang sering dilakukan oleh pihak tertentu merupakan punca pencemaran udara.

Kebanyakan calon dapat menulis pernyataan umum ini dengan tepat. Hanya ada sebilangan kecil calon yang menulis pernyataan khusus, dan ada calon yang cuai yang tidak menyalin pernyataan umum berkenaan selengkapnya. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Pembakaran terbuka yang dilakukan oleh pihak tertentu merupakan punca pencemaran udara.
- Sesetengah petani menjalankan aktiviti pertanian dengan menebang pokok untuk membersihkan kawasan dengan membakarnya secara terbuka.

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menyatakan istilah yang merujuk setiap pernyataan yang diberikan dalam soalan. Istilah yang tepat untuk setiap pernyataan adalah seperti yang berikut:

	<i>Pernyataan</i>	<i>Istilah</i>
(a)	Perbezaan pertuturan antara penutur di sesuatu kawasan atau di daerah yang berbeza.	Subdialek
(b)	Garisan dalam peta pembahagian kawasan antara dialek.	Isoglos
(c)	Penggunaan dua variasi bahasa yang berbeza dalam situasi yang berbeza.	Diglosia

Kebanyakan calon dapat menyatakan istilah yang betul untuk (b). Untuk (a), ada calon yang memberikan istilah dialek. Untuk (c) pula, ada calon yang memberikan istilah dwibahasa dan multibahasa. Ada calon yang cuba memberikan istilah yang betul namun ejaannya salah. Hal ini menyebabkan istilah yang ditulis tidak mempunyai makna, contohnya isoglos dieja sebagai isogolos dan diglosia dieja sebagai dialogsia.

Soalan 26

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 26(a) dan 26(b) berdasarkan petikan yang berikut:

Dahlah tu mama! Marilah balik. Along dah lapar ni.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis variasi bahasa yang digunakan dalam petikan tersebut. Jawapan yang betul untuk soalan ini ialah bahasa mesra/bahasa basahan. Kebanyakan calon dapat menyatakan jenis variasi bahasa yang betul untuk petikan ini. Hanya ada sebilangan kecil calon yang memberikan jenis variasi bahasa yang tidak tepat, seperti bahasa pasar, bahasa kasar, dan bahasa slanga.

Soalan (b) menghendaki calon memberikan dua ciri variasi bahasa yang digunakan dalam petikan tersebut. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Menggunakan kata ganti nama diri yang berunsurkan kekeluargaan
- Terdapat unsur kependekan kata
- Menggunakan partikel -lah

Ada calon yang dapat memberikan ciri variasi bahasa ini dengan betul. Namun demikian, ada calon yang memberikan ciri yang umum, contohnya menggunakan kata along dan mama. Ada calon yang memberikan ciri yang tidak terdapat dalam petikan, contohnya terdapat percampuran kod. Ada juga calon yang bukan memberikan ciri, sebaliknya situasi penggunaan variasi tersebut, contohnya digunakan dalam situasi tidak formal.

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon membina satu wacana yang menepati ciri variasi bahasa X seperti yang diberikan dalam soalan. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 40 patah perkataan.

Ciri variasi bahasa X
<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kependekan kata • Tidak mementingkan tatabahasa • Terdapat percampuran kod

Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Kawan kau dah naik bas. Percayalah. Kalau tak, tunggulah. Alamatnya sampai esok kau tunggu geng kau kat bus stop ni.

Kebanyakan calon dapat membina wacana yang menunjukkan ketiga-tiga ciri variasi bahasa X. Wacana yang dibina juga menunjukkan aspek kohesi dan koheren. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Petang ni / tak dapat nak ikut *U gi mall*. I nak siapkan kerja kursus.
- *You* nak lunch kat mana? *I follow* je.

Ada sebilangan kecil calon yang bukannya membina wacana tetapi mereka membina satu ayat sahaja. Selain itu, ada calon yang membina wacana yang mengandungi kosa kata kreol, seperti lu, gua, dan mao. Ada juga calon yang membina wacana yang menepati variasi bahasa formal dan variasi bahasa slanga untuk soalan ini. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Pencemaran yang berlaku pada masa ini haruslah diselesaikan segera. Ini bagi memastikan masyarakat hidup sejahtera.
- Lu apehal mai sini? Ini kawasan gua.
- Awek lu cun sangat bro. Untunglah lu.

Soalan 28

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 28(a) dan 28(b) berdasarkan petikan yang berikut:

Laras bahasa B
Dengan penuh cermat, kuali berisi minyak panas dituangkan dalam bekas keluli nipis. Kuali itu kemudiannya diletakkan semula di atas tungku, dengan sisa minyak yang mungkin kurang dari dua sudu. Ketika kuali mula nak berasap, tangan kanannya segera mencampakkan rempah-ratus yang sebentar tadi baru ditumbuk kasar. Harum sekali baunya, memercikkan rasa lapar yang bukan kepalang.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis laras bahasa dalam petikan tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah laras bahasa sastera. Hanya sebilangan kecil calon dapat menyatakan laras bahasa yang tepat untuk petikan ini. Kebanyakan calon memberikan laras yang tidak tepat, iaitu laras bahasa resipi.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan dua ciri laras bahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- mementingkan pemilihan, penyusunan, dan pengolahan kata yang berkesan
- kurang mementingkan ketepatan tatabahasa
- menggunakan gaya bahasa yang menarik, kreatif, dan imaginatif

Hanya sebilangan kecil calon dapat memberikan ciri yang betul untuk laras ini. Oleh sebab calon memberikan laras yang salah untuk petikan tersebut, maka ciri laras yang diberikan juga salah, iaitu merujuk ciri laras bahasa resipi. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- penjelasan mengikut turutan
- banyak menggunakan kata kerja tunggal
- kosa katanya berkenaan dengan masakan

Soalan 29

Soalan ini menghendaki calon membina satu ayat dengan menggunakan frasa “cuci tangan” untuk menunjukkan makna X dan satu lagi ayat untuk menunjukkan makna Y seperti yang diberikan dalam soalan. Frasa tersebut tidak boleh diberikan imbuhan atau digandakan.

Makna X	Makna Y
Makna sebenar atau makna tersurat	Makna tambahan atau makna tersirat


Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Makna X: Sila cuci tangan anda sebelum dan selepas makan.
- (b) Makna Y: Selepas kejadian itu, Chong cuci tangan dan menghilangkan diri.


Hanya sebilangan kecil calon dapat membina ayat yang gramatis dengan menggunakan frasa berkenaan untuk menunjukkan makna X dan makna Y. Kebanyakan calon membina ayat dengan menggunakan frasa “mencuci tangan”, contohnya “Adik mencuci tangan dengan sabun.” Jawapan sedemikian tidak boleh diterima kerana calon tidak sepatutnya menambah imbuhan pada frasa asal. Selain itu, ayat yang dibina oleh calon tidak gramatis kerana calon membina ayat penyata yang mesti menggunakan imbuhan meN- pada frasa tersebut, contohnya “Kita perlu cuci tangan untuk mengelakkan bakteria.” Untuk makna Y pula, kebanyakan calon membina ayat yang tidak mendukung makna frasa “cuci tangan” dengan betul. Kebanyakan calon menganggap frasa berkenaan membawa maksud insaf atau berhenti melakukan kesalahan. Contoh ayat yang dibina ialah “Dia cuci tangan selepas keluar penjara dan tidak mahu melakukan perbuatan jahat itu lagi.”

Soalan 30

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 30(a) dan 30(b). Soalan 30(a) menghendaki calon membina rajah segi tiga semiotik (Odgen dan Richard 1923) dan melabelkan rajah tersebut untuk menggambarkan hubung kait antara ketiga-tiga aspek simbol, konsep, dan rujukan yang diberikan dalam soalan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:



Kebanyakan calon dapat melukis rajah segi tiga semiotik dan melabelkan semua aspek dengan tepat. Namun demikian, ada calon yang tidak melukis garisan putus-putus untuk menunjukkan hubungan antara simbol dengan rujukan. Ada calon yang menambah anak panah untuk menunjukkan hubungan antara ketiga-tiga aspek. Hal ini menjadikan rajah yang dilukis tidak tepat. Selain itu, ada calon yang melabelkan rajah dengan aspek rekaan sendiri, dan tidak menggunakan aspek yang diberikan dalam soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:



Soalan (b) menghendaki calon membina dua ayat dengan menggunakan perkataan "jatuh" bagi menunjukkan perbezaan maknanya. Perkataan tersebut tidak boleh diberikan imbuhan, digandakan, atau dijadikan dalam bentuk peribahasa.

Contoh jawapan yang betul untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Bunga yang telah layu itu akhirnya jatuh juga di halaman rumah.
- Dia sedih mengenangkan harga sayur yang jatuh menjunam hari ini.
- Dia masih lagi mengerjakan batas-batas itu ketika matahari jatuh.

Ada sebilangan calon yang dapat membina dua ayat yang gramatis bagi menunjukkan perbezaan makna kata polisemi jatuh. Namun demikian, ada calon yang hanya dapat membina satu ayat yang gramatis, manakala satu lagi ayat tidak gramatis kerana dalam ayat yang dibina, perkataan jatuh perlu diberikan imbuhan teR-. Selain itu, ada calon yang membina dua ayat yang sama maksudnya. Ada pula calon yang membina ayat yang menggunakan kata jatuh dalam peribahasa. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Adik menangis kerana jatuh basikal.
- Zamarul jatuh cinta kepada Aisyah sejak sekolah lagi.
- Kucing itu jatuh dalam longkang.

Soalan 31

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 31(a) dan 31(b) berdasarkan peribahasa yang berikut:

Seperti ulat lupakan daun

Soalan 31(a) menghendaki calon membina satu wacana dengan menggunakan peribahasa tersebut bagi menunjukkan maknanya yang tepat. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 40 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Johan sentiasa membantu sahabatnya, Azmi sepanjang pengajian mereka. Setelah tamat pengajian, Azmi mendapat pekerjaan dengan gaji yang lumayan. Sejak itu, Azmi tidak lagi mengendahkan Johan. Sikap Azmi seperti ulat lupakan daun.

Hanya sebilangan kecil calon dapat membina wacana yang dapat menunjukkan makna peribahasa tersebut dengan tepat. Kebanyakan calon jelas tidak memahami maksud peribahasa yang diberikan dalam soalan. Hal ini terbukti melalui wacana yang dibina. Wacana berkenaan jauh terpesong daripada maksud peribahasa berkenaan. Ada calon yang membina wacana yang dapat menunjukkan makna peribahasa tersebut tetapi mereka tidak memasukkan peribahasa berkenaan dalam wacana yang dibina. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Semenjak Anita balik dari luar negara, dia tidak pernah pulang ke kampung halamannya. Ibunya ditinggalkan. Dia tidak mahu orang menggelarnya sebagai orang kampung seperti ulat lupukan daun.
- Siti merupakan pelajar yang miskin. Aminah, sahabatnya sering membantu Siti. Namun, setelah Siti berjaya, dia mula melupakan Aminah.
- Ibu menemani kakak membeli-belah. Ibu hanya menunggu kakak yang sibuk membeli fesyen kpop kegemarannya. Sikap kakak seperti ulat lupukan daun.

Soalan 31(b) menghendaki calon memberikan satu peribahasa lain yang mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa seperti ulat lupukan daun. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah seperti kacang lupukan kulit. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan betul. Hanya ada sebilangan kecil calon yang memberikan contoh peribahasa yang salah, contohnya belut pulang ke lumpur, bagai limau masam sebelah, dan bagai layang-layang putus tali.

Soalan 32

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 32(a) dan 32(b). Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis ragam bahasa dalam petikan yang berikut:

Sudahlah tertinggal bas dan terpaksa berjalan kaki, tiba di pekan, kedai yang ingin dituju tutup pula. Semasa berpusing balik, poket seluarnya tercarik paku. Akibatnya, duit syiling habis bertaburan, sehingga diketawakan oleh orang gila yang ada di situ.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah bahasa turun. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan betul. Ada sebilangan kecil calon yang tahu jenis ragam bahasa berkenaan, namun mereka memberikan istilah yang salah, iaitu bahasa menurun. Ada pula segelintir calon yang memang tidak mengetahui jenis ragam bahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Mereka memberikan jenis ragam bahasa yang jauh terpesong, contohnya bahasa terbalik, bahasa tempelak, dan bahasa menaik.

Soalan 32(b) menghendaki calon membina satu wacana yang menepati ragam bahasa tempelak. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 20 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Aku sudah pesan banyak kali, tetapi engkau buat tidak tahu sahaja. Sekarang apa sudah jadi?

Ada calon yang dapat membina wacana yang menepati ragam bahasa berkenaan. Mereka jelas dapat membezakan ragam bahasa tempelak dengan ragam bahasa yang lain. Contoh jawapan yang tepat yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Aku dah kata, jangan beli motor tu. Sekarang tengok, macam-macam hal motor ni.
- Mak dah pesan, jangan bawa motor laju-laju. Sekarang dah eksiden, siapa yang susah?
- Dari dulu aku dah beritahu, jangan berkawan dengan budak tu. Sekarang apa dah jadi?

Ada segelintir calon yang membina wacana yang kurang jelas elemen tempelaknya. Ada juga wacana yang dibina menepati ragam bahasa herdk dan ragam bahasa terbalik. Ada calon yang menunjukkan unsur tempelak namun yang dibina bukannya wacana, sebaliknya hanya satu ayat. Selain itu, ada calon yang menyalin petikan dalam 32(a) sebagai jawapan untuk soalan ini. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- Aku dah kata jangan panjat pokok itu kerana licin, sekarang apa dah jadi?
- Dah tua pun masih menggatal nak kahwin lagi. Bini di rumah pun tak terlayan. Dasar orang tua bangka!
- Kenapa datang lewat? Nak cakap berapa kali baru faham?

Soalan 33

Soalan ini terbahagi kepada dua, iaitu 33(a) dan 33(b). Soalan 33(a) terbahagi kepada tiga, berdasarkan petikan yang berikut:

X dilahirkan pada 17 Disember 1939 di Kota Bharu, Kelantan. Dalam bidang akademik, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian dalam bidang Linguistik dari Universiti Malaya. Pada tahun 1975, beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Linguistik dari Ohio University, Amerika Syarikat. Pada tahun 1997, beliau dikurniai Johan Panglima Negara (JPN) yang membawa gelaran Datuk. Pada tahun 2002, setelah bersara, beliau diberikan penghormatan oleh Universiti Malaya melalui pelantikan sebagai Profesor Emeritus. Sehingga kini, X masih terus menabur bakti dalam perjuangan mengutuhkan bahasa Melayu bukan sahaja di tanah air malah di seluruh dunia juga.

Soalan 33(a)(i) menghendaki calon menyatakan gelaran yang tepat untuk X. Jawapan untuk soalan ini ialah Profesor Emeritus Datuk Dr. X. Hanya sebilangan kecil calon dapat menyatakan gelaran yang tepat untuk X. Ramai calon memberikan gelaran yang tidak tepat, contohnya Datuk Dr. Profesor Emeritus X. Ada calon yang tidak dapat membezakan gelaran dengan rujukan kehormat. Mereka memberikan jawapan dalam bentuk rujukan kehormat untuk soalan ini, contohnya Yang Berusaha dan Yang Berbahagia.

Soalan 33(a)(ii) menghendaki calon menyatakan rujukan kehormat yang sesuai bagi X. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah Yang Berbahagia. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Hanya ada segelintir calon yang tidak dapat membezakan rujukan kehormat dengan gelaran. Oleh itu, mereka memberikan jawapan Profesor Emeritus Datuk Dr. X untuk soalan ini. Selain itu, ada calon yang memberikan rujukan kehormat yang tidak tepat, iaitu Yang Berusaha, dan Yang Berhormat.

Soalan 33(a)(iii) menghendaki calon memberikan dua gelaran ikhtisas yang diterima oleh X. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah Profesor Emeritus dan doktor. Hanya segelintir calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang tidak lengkap, iaitu prof dan doktor falsafah.

Soalan 33(b) menghendaki calon membina dua ayat yang menunjukkan setiap ciri kesantunan berbahasa yang berikut:

- (i) Penggunaan ungkapan bertatasusila
- (ii) Penggunaan kata rujukan diri yang sesuai dengan situasi

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Jemputlah masuk, tuan.
- Tuan-tuan, puan-puan, dan saudara-saudari dijemput masuk ke dalam dewan sekarang.

Hanya sebilangan kecil calon dapat membina ayat yang menunjukkan setiap ciri seperti yang dikehendaki dalam soalan. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak membina ayat yang lengkap untuk ciri (i). Untuk ciri (ii) pula, ramai calon yang membina ayat yang menunjukkan ciri bahasa dalam. Selain itu, mereka membina ayat penyata dan tidak menggunakan rujukan diri yang betul dalam situasi yang betul. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) (a) Assalamualaikum tuan.
(b) Selamat pagi cikgu.
- (ii) (a) Ampun tuanku beribu-ribu ampun.
(b) Encik Amir merupakan pengurus yang berwibawa dan beliau disayangi oleh pekerjanya.

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2021**



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Java, Selangor Darul Ehsan.

Reta Damansara, 47310 Petaling Jaya, Selangor
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadji.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selangor

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

88100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppn@mpm.edu.my